

Angka Giliran \_\_\_\_\_

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2012/2012

Januari 2013

## **SKW 101 – Pengantar Perancangan dan Pengurusan Pembangunan**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

### **Arahan:**

Jawab **SEMUA** soalan dari **bahagian A** di atas kertas soalan. Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan dalam **bahagian B** dan **SATU (1)** soalan dari **bahagian C** menggunakan buku jawapan yang disediakan.

Tandakan jawapan di borang **OMR** dengan menggunakan pensel 2B bagi soalan **No. 21 hingga No. 40**

**PASTIKAN KESELURUHAN KERTAS SOALANINI DIKEMBALIKAN KEPADA  
PENGAWAS PEPERIKSAAN SEBELUM ANDA KELUAR DARIPADA DEWAN  
PEPERIKSAAN.**

**ARAHAN KEPADA KETUA PENGAWAS:** PASTIKAN KESELURUHAN KERTAS SOALAN DIPUNGUT DI AKHIR SIDANG PEPERIKSAANINI.

A. Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini di atas kertas soalan (40 markah):

1. \_\_\_\_\_ (1999) menegaskan bahawa pembangunan haruslah lebih memfokuskan kepada peningkatan kualiti hidup manusia dan kebebasan yang dinikmati masyarakat.
2. Peringkat tertinggi di Malaysia dalam membuat keputusan berkenaan dasar awam dalam bidang sosial adalah \_\_\_\_\_
3. Todaro (2011) menyatakan bahawa \_\_\_\_\_ bukan sekadar fenomena ekonomi tetapi merupakan proses pelbagai dimensi yang melibatkan pengorganisasian dan pengorientasian semula seluruh sistem ekonomi dan sosial sebuah negara.
4. \_\_\_\_\_ pembangunan merupakan asas, panduan, falsafah dan peraturan mengenai cara mencapai matlamat pembangunan tersebut.
5. \_\_\_\_\_ merupakan pembangunan yang mengimbangkan pembangunan ekonomi dengan keperluan sosial dan alam sekitar.
6. Menurut \_\_\_\_\_ (2004), matlamat pembangunan telah melalui perubahan paradigma bermula daripada matlamat mencapai pertumbuhan ekonomi kepada matlamat meningkatkan kesejahteraan manusia dan kelestarian alam sekitar.
7. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berakhir pada tahun \_\_\_\_\_ dan digantikan dengan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang memberi tumpuan kepada pembasmian kemiskinan dalam kalangan golongan termiskin.
8. \_\_\_\_\_ pembangunan melibatkan kaedah dan strategi tertentu berdasarkan peraturan, garis panduan dan undang-undang yang berkaitan.

9. \_\_\_\_\_ adalah matlamat pembangunan yang paling unggul dan mulia di sisi Allah SWT kerana ia merupakan matlamat akhir dalam kehidupan seorang Muslim.
10. Ilmu pembangunan berteraskan Islam terbentuk daripada gabungan antara dalil ‘aqli yang berdasarkan epistemologi dan *tasawwur* Islam dengan dalil \_\_\_\_\_ daripada al-Qur'an dan Hadith.
11. \_\_\_\_\_ adalah satu bentuk kemiskinan yang boleh berlaku dalam tempoh masa tertentu tetapi tidak berterusan.
12. \_\_\_\_\_ merujuk kepada keadaan sesuatu golongan akan hidup melarat, daif dan papa serta terus terperangkap dalam kemiskinan secara kekal dan berterusan.
13. \_\_\_\_\_ adalah ruang tanah yang dibangun dan diusahakan untuk aktiviti ‘bukan pertanian’ seperti pusat pentadbiran, perdagangan, perniagaan, pendidikan dan kebudayaan.
14. Tiga gelombang perubahan yang dikenalpasti oleh Alvin Toffler (1991) ialah Gelombang 1 (Revolusi Pertanian), Gelombang 2 (Revolusi Perindustrian) dan \_\_\_\_\_
15. Pada tahun 1984, \_\_\_\_\_ diperkenalkan untuk memaksimumkan pendapatan dalam kegiatan pertanian serta memastikan penggunaan sumber yang cekap.
16. Di Malaysia, definisi bandar ialah petempatan yang mempunyai \_\_\_\_\_ orang atau lebih.
17. ‘Membasmi kemiskinan tegar dan kebuluran’ merupakan matlamat Matlamat Pembangunan Milenium yang \_\_\_\_\_
18. Gerakan \_\_\_\_\_ adalah antara strategi pembasmian kemiskinan dan pembangunan laur bandar di Malaysia.

19. Dari segi mikro, peningkatan kesihatan mempunyai hubungan \_\_\_\_\_ dengan pendapatan, pekerjaan dan kelas dalam masyarakat.
20. Badan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan kesihatan sebagai satu keadaan seorang individu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental dan \_\_\_\_\_ bukan semata-mata bebas daripada penyakit dan ketakupayaan.
21. Todaro (2011) menjelaskan bahawa pembangunan ialah proses meningkatkan kualiti hidup manusia yang meliputi tiga nilai utama seperti berikut **kecuali**:
- A. Keupayaan memenuhi keperluan asas
  - B. Jati diri
  - C. Meninggikan tingkat kemuliaan manusia
  - D. Kebebasan untuk memilih
22. Manakah antara berikut **bukan** merupakan matlamat pembangunan lestari?
- A. Pemuliharaan sumber
  - B. Pembangunan fizikal
  - C. Pertumbuhan ekonomi yang lestari
  - D. Penyertaan politik
23. Matlamat pembangunan ekonomi sesebuah negara (Ahmad Mahdzan Ayob, 2005) termasuklah perkara berikut **kecuali**:
- A. Meningkatkan pendapatan per kapita
  - B. Memperluaskan peluang pekerjaan
  - C. Meningkatkan pergantungan kepada import
  - D. Menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan
24. Sejak tahun 1990an lagi, \_\_\_\_\_ telah dijadikan matlamat atau strategi pembangunan dengan pelbagai prinsip yang menitikberatkan keseimbangan telah diterapkan dalam perancangan yang disediakan di peringkat kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan.
- A. Matlamat Pembangunan Milenium
  - B. Pembangunan lestari
  - C. Pembangunan modal insan
  - D. Pembangunan sosioekonomi

25. \_\_\_\_\_ dibuat berdasarkan dasar pembangunan sebagai panduan bagi mencapai matlamat pembangunan yang diinginkan.

- A. Perancangan
- B. Rancangan pembangunan
- C. Pengurusan pembangunan
- D. Strategi pembangunan

26. Salah satu cabaran untuk merealisasikan \_\_\_\_\_ ialah memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi.

- A. Pembangunan lestari
- B. Dasar Pembangunan Nasional
- C. Wawasan 2020
- D. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10)

27. Manakah antara berikut merupakan Matlamat Pembangunan Milenium?

- A. Memperkuatkan hak golongan orang kurang upaya (OKU)
- B. Membangunkan kepakaran global bagi pembangunan teknologi
- C. Membasmi kemiskinan tegar dan kebuluran
- D. Meningkatkan pertumbuhan ekonomi global

28. Amartya Sen (1999) telah memperkenalkan \_\_\_\_\_ untuk menjelaskan matlamat pembangunan yang hendak dicapai.

- A. pendekatan kesejahteraan hidup
- B. pendekatan keupayaan
- C. pendekatan kebebasan
- D. pendekatan penyertaan

29. Perancangan pembangunan di Malaysia bermula pada tahun 1950 dengan penerbitan \_\_\_\_\_.

- A. Draf Pelan Pembangunan Malaya
- B. Rancangan Malaysia Pertama
- C. Pelan Pembangunan Malaysia
- D. Rancangan Pembangunan Malaya 1950

30. Wawasan 2020 merupakan rancangan pembangunan negara yang bersifat \_\_\_\_\_.

- A. Jangka pendek
- B. Jangka sederhana
- C. Jangka panjang
- D. Semua di atas

31. Golongan yang manakah yang dikatakan sebagai kemiskinan berterusan?

- A. Golongan mlarat
- B. Miskin dengan pendapatan di bawah Garis Kemiskinan
- C. Miskin untuk suatu tempoh yang sangat lama (3 – 4 tahun)
- D. Semua di atas

32. Manakah antara yang berikut **bukan** matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (1970 – 1990)?

- A. Membasmi kemiskinan
- B. Menyusun semula masyarakat
- C. Mengagih kekayaan dan sumber secara saksama
- D. Menggalakkan usaham pertanian di luar bandar

33. Berikut adalah dasar pembangunan semasa di Malaysia **kecuali**:

- A. Rancangan Malaysia Ke-10
- B. Model Ekonomi Baru
- C. Program Transformasi Perindustrian
- D. Program Transformasi Ekonomi

34. Manakah antara berikut **bukan** merupakan program pembangunan tanah dan wilayah di kawasan luar bandar di Malaysia?

- A. Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Industri Getah (RISDA)
- B. Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR)
- C. Lembaga Kemajuan Wilayah Pahang Tenggara (DARA)
- D. Lembaga Kemajuan Wilayah Johor Selatan (KEJOSA)

35. Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar adalah suatu inisiatif di bawah \_\_\_\_\_.

- A. Kementerian Kemajuan Luar Bandar
- B. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Bandar
- C. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
- D. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Desa

36. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, kawasan luar bandar mempunyai penduduk kurang daripada

- 
- A. 100,000 orang
  - B. 25,000 orang
  - C. 10,000 orang
  - D. 1,000 orang

37. Pilih pernyataan yang **tidak** tepat antara berikut:

- A. Kekayaan sumber asli boleh menyebabkan sesebuah negara mengabaikan pembangunan sumber manusia.
- B. Sumber manusia adalah asas kepada proses pembangunan
- C. Tanpa modal insan yang kukuh, sesebuah negara akan terus berdaya saing.
- D. Manusia adalah penggerak kepada modal kewangan dan fizikal dalam proses pengeluaran.

38. Dalam era semasa dengan ekonomi berasaskan pengetahuan, seorang pekerja perlu mempunyai ciri-ciri tersebut **kecuali**:

- A. Kebolehan dan kemahiran yang tinggi
- B. '*Flexibility*' dan '*adaptability*'
- C. Memiliki pelbagai kemahiran
- D. Sanggup belajar dan tidak perlu dilatih semula

39. Pilih pernyataan yang paling tepat antara berikut:

- A. 'Pendekatan lama' bagi pembangunan hanya memberi penekanan terhadap indikator ekonomi sahaja seperti Pendapatan Negara, Pendapatan Per Kapita dan Keluaran Dalam Kasar Negara.
- B. 'Pendekatan baru' bagi pembangunan hanya mengambil kira aspek bukan ekonomi sahaja.
- C. 'Pendekatan baru' bagi pembangunan hanya menumpu kepada Indeks Pembangunan Manusia (HDI) sahaja.
- D. 'Pendekatan lama' bagi pembangunan lebih tepat daripada 'pendekatan baru'.

40. Manakah antara berikut merupakan indikator Pembangunan Manusia yang bukan berasaskan ekonomi?

- A. Koefisien Gini
- B. Indeks Ketidaksamarataan Gender
- C. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)
- D. Pendapatan Per Kapita

**B.** Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja daripada berikut :

1. Apakah kepentingan merancang dan mengurus pembangunan dalam konteks pembangunan sebuah negara? Hujahkan dengan contoh yang sesuai.

(30 markah)

2. Apakah yang anda faham tentang konsep pembangunan? Huraikan dengan terperinci maksud serta matlamat konsep tersebut dan kaitkan dengan proses transformasi atau perubahan paradigma yang berlaku.

(30 markah)

**C.** Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja daripada berikut :

1. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep perbandaran? Bincangkan isu-isu perbandaran serta implikasinya terhadap dasar pembangunan negara.

(30 markah)

2. Apakah hubungan antara pendidikan dan pembangunan? Jelaskan kepentingan, peranan dan sumbangan pendidikan dalam pembangunan sebuah negara.

(30 markah)